

SCIENTEX[®]

healthy, friendly & happy ...

SCIENTEX BERHAD

**DASAR PENCEGAHAN RASUAH DAN
PENYELEWENGAN**

DASAR PENCEGAHAN RASUAH DAN PEYELEWENGAN

1.0 *PENGENALAN*

Kesalahan rasuah dan penyelewengan membawa risiko sangat serius untuk semua perniagaan dan dalam hal yang melibatkan sebuah syarikat, orang yang terlibat dengan syarikat dan syarikat itu boleh dikenakan hukuman menurut undang-undang selain menjejaskan nama baik.

Di Kumpulan Scientex Berhad (selepas ini dirujuk sebagai “Scientex”), nilai teras kami ialah kejujuran dan integriti, dan berurusan secara adil, telus, dan sikap saksama memerlukan piawaian tertinggi pematuhan daripada diri kita, dan dalam hubungan dengan pembekal, pelanggan, kerajaan, dan badan pengawal selia serta pihak berkepentingan.

Scientex komited kepada integriti dan tingkah laku beretika dalam cara kami menjalankan perniagaan dan operasi kami, dan ini ditunjukkan dalam dasar yang ingin kami kuat kuasakan. Kami menyedari bahawa amalan rasuah dan penyelewengan adalah kesalahan yang boleh dikenakan hukuman di bawah undang-undang Malaysia dan bidang kuasa di tempat lain di mana kami beroperasi, dan kami berhasrat untuk mematuhi semua undang-undang terpakai yang berkaitan dalam mencegah rasuah dan penyelewengan dalam semua bidang kuasa yang kita beroperasi. Kami benar-benar yakin bahawa mempertahankan nilai teras kami dalam kejujuran, kesaksamaan, ketelusan, dan integriti, kami akan terus membina dan mengukuhkan lagi jenama Scientex secara global dan dikenali sebagai sebuah institusi yang menggalakkan amalan terbaik dan tadbir urus korporat yang baik.

2.0 *TUJUAN*

Tujuan Dasar ini adalah untuk menetapkan kedudukan Scientex tentang amalan rasuah dan penyelewengan serta memperincikan cara tanggungjawab untuk mematuhi dan mempertahankan nilai teras kami, iaitu kejujuran dan integriti diwujudkan di seluruh operasi Scientex. Dasar ini juga berikhtiar untuk mewujudkan pengawalan untuk memastikan pematuhan semua undang-undang pencegahan rasuah dan penyelewengan yang terpakai bagi memastikan perniagaan Scientex dikendalikan dengan piawai tertinggi kejujuran dan integriti.

3.0 *SKOP*

Dasar ini meliputi semua anak syarikat dan syarikat berkaitan Scientex, serta pekerja termasuk tetapi tidak terhad kepada semua individu di semua peringkat dan gred, pengurusan, pegawai, pengarah, kakitangan berkaitan, dan pihak ketiga yang bertindak bagi pihak yang dinyatakan sebelum ini. Dasar ini turut merangkumi semua urusan perniagaan dalam semua bidang kuasa yang melibatkan operasi Scientex. Bagi tujuan Dasar ini, “kakitangan berkaitan” termasuk ahli keluarga (pasangan, anak, adik-beradik, dan ibu bapa). Manakala, “Pihak Ketiga” bermaksud mana-mana organisasi yang terlibat semasa pelaksanaan kerja bersama Scientex, dan termasuk pelanggan sebenar dan berpotensi, klien, pembekal, pengedar, kontraktor, hubungan perniagaan, ejen, penasihat, dan badan kerajaan dan awam termasuk penasihat, wakil, pegawai dan ejen mereka. Tambahan lagi, bagi tujuan Dasar ini, semua pengarah, pegawai, pekerja, dan mana-mana pihak ketiga atau orang yang bersekutu dengan Scientex, secara kolektif dikenali sebagai “Sekutu Scientex”.

4.0 PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG

- a) Dasar ini akan pada setiap masa mematuhi undang-undang dan peraturan di Malaysia. Dalam keadaan sekiranya terdapat apa-apa ketaktekalan atau percanggahan antara peruntukan dasar ini dan undang-undang di Malaysia, yang kedua akan diguna pakai. Undang-undang utama pencegahan rasuah dan penyelewengan ialah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 tertakluk kepada apa-apa arahan, enakmen semula, dan/atau pindaan susulan kerajaan.
- b) Merujuk kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dalam portal rasminya (www.sprm.gov.my), “rasuah” ditakrifkan sebagai pelakuan menerima atau memberi apa-apa upah atau dorongan dalam bentuk wang tunai atau ganjaran bernilai tinggi untuk melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan fungsi atau aktiviti tugas seseorang.
- c) Akta SPRM menetapkan enam (6) kesalahan utama seperti yang berikut:
- Meminta/Menerima Suapan (Rasuah) – Seksyen 16 & 17(a) Akta SPRM
 - Menawar/Memberi Suapan (Rasuah) - Seksyen 17(b) Akta SPRM
 - Berniat untuk Memperdayakan (Tuntutan Palsu) - Seksyen 18 Akta SPRM
 - Menggunakan Jawatan atau Kedudukan untuk Suapan (Rasuah) (Penyalahgunaan Kuasa/Kedudukan) - Seksyen 23 Akta SPRM
 - Menawar/Memberi Suapan oleh Organisasi Komersial (Tanggungjawab Korporat) – Seksyen 17A Akta SPRM
 - Disifatkan sebagai Menyamai Tanggungjawab Peribadi bagi Kakitangan Kanan (Tanggungjawab Peribadi) – Seksyen 17A(3) Akta SPRM
- d) Sebagai rujukan Dasar ini, penyelewengan boleh melibatkan “rasuah” , iaitu, apa-apa penawaran, janji, pemberian, permintaan, persetujuan untuk mendapat, menerima suapan, atau kelebihan lain dengan niat sebagai dorongan atau upah untuk seseorang melaksanakan fungsi tugas atau aktiviti mereka secara tidak sah. Bentuk rasuah termasuk sogokan, komisyen yang ditinggikan, hadiah mahal, sumbangan politik, keraian melampau atau tidak sesuai.
- e) Suapan ditafsirkan dalam Akta SPRM sebagai:
- i. Wang, derma, hadiah, pinjaman, fi, ganjaran, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, sama ada boleh alih atau tak boleh alih, faedah kewangan, atau apa-apa manfaat seumpama itu yang lain;
 - ii. Apa-apa jawatan, kebesaran, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan, dan apa-apa perjanjian untuk memberikan pekerjaan atau memberikan perkhidmatan atas apa-apa sifat;
 - iii. Apa-apa bayaran, pelepasan, penunaian atau penyelesaian apa-apa pinjaman, obligasi atau liabiliti lain, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya;
 - iv. Apa-apa jenis balasan berharga, apa-apa diskaun, komisen, rebat, bonus, potongan atau peratusan;
 - v. Apa-apa perbuatan menahan diri daripada menuntut apa-apa wang atau nilai wang atau benda berharga;
 - vi. Apa-apa jenis perkhidmatan atau pertolongan lain, termasuk perlindungan daripada apa-apa penalti atau ketakupayaan yang dikenakan atau yang dikhuatiri atau daripada apa-apa tindakan atau prosiding yang bersifat tatatertib, berbentuk sivil atau jenayah, sama ada atau tidak sudah dimulakan, dan termasuk penggunaan atau menahan diri daripada menggunakan apa-apa hak atau apa-apa kuasa atau kewajipan rasmi; dan

- vii. Apa-apa tawaran, aku janji atau janji, sama ada bersyarat atau tidak bersyarat, untuk memberikan suapan mengikut pengertian mana-mana perkara dalam perenggan (i) hingga (vi).

5.0 PRINSIP AM

- a) Scientex tidak terlibat dalam rasuah atau penyelewengan, dan adalah bertentangan dengan dasar Scientex bagi mana-mana pekerja atau pihak ketiga yang bertindak bagi pihak Scientex untuk meminta, menawar, memperoleh, membuat atau menerima apa-apa pembayaran atau dorongan yang salah di sisi undang-undang dan tidak beretika.
- b) Scientex komited untuk menyediakan garis panduan kawalan dalamannya, dan memastikan perniagaan dan operasinya dijalankan dalam semua hal menurut piawai etika, profesional dan undang-undang yang ketat.
- c) Scientex mematuhi sepenuhnya semua hal dalam undang-undang yang sedia ada yang berkaitan pencegahan rasuah dan penyelewengan dalam semua bidang kuasa yang melibatkan operasi syarikat ini.
- d) Scientex tidak akan terlibat dalam apa-apa bentuk rasuah, sama ada secara langsung atau tidak langsung atau melalui mana-mana pihak ketiga (seperti ejen, kontraktor atau pengedar).
- e) Scientex tidak membuat sumbangan secara langsung atau tidak langsung kepada parti atau calon politik.
- f) Scientex melarang penggunaan kontrak atau perjanjian perunding untuk menyalurkan pembayaran yang tidak sesuai melalui ejen atau pengantara kepada pegawai kerajaan atau awam.

5.1 HADIAH, MANFAAT DAN PELAYANAN

Scientex melarang pekerjaannya daripada memberi atau menerima hadiah, keraian, hospitaliti, tajaan perjalanan atau manfaat lain yang dalam apa-apa cara akan mempengaruhi atau kelihatan mempengaruhi apa-apa keputusan perniagaan, pengaturan, atau urusan niaga. Sebagai tambahan, pekerja dilarang daripada menerima atau menawar wang tunai dan apa-apa bentuk wang tunai termasuk baucer, kupon, saham, dan komisen.

Bagaimanapun, Scientex mengiktiraf bahawa keraian, pemberian hadiah, dan penerimaan hadiah boleh menjadi adat atau amalan yang sah dalam hubungan perniagaan bagi menunjukkan tanda penghargaan, dan diberi atau diterima tanpa mengharapkan balasan atau nilai sebagai pulangan. Garis panduan yang ditetapkan oleh Scientex berhubung pemberian dan penerimaan hadiah seperti ini adalah hadiah tak diminta atau ihsan perniagaan lain boleh diberi atau diterima, jika hadiah dikendalikan secara telus, serta bersifat munasabah dan sederhana sifat dan jumlahnya, sah, dan diwajibkan oleh tujuan perniagaan yang jelas dan sah.

5.2 PENAJAAN DAN DERMA

Penajaan, derma amal, dan tanggungjawab sosial korporat hendaklah dibuat untuk tujuan yang benar dan boleh disahkan. Rasuah dan bayaran mudah cara tidak boleh diselindungi sebagai penajaan atau derma untuk mempengaruhi secara tidak sesuai keputusan perniagaan atau menyalur dana untuk membiayai aktiviti yang salah di sisi undang-undang, yang menjadi pelanggaran dasar dan prosedur Scientex termasuk undang-undang dan peraturan yang terpakai.

Semua aktiviti penajaan, derma amal, dan tanggungjawab sosial korporat tertakluk kepada kelulusan pihak Pengurusan berdasarkan Garis Panduan Kawalan Dalaman.

5.3 PEMBAYARAN MEMUDAH CARA

Scientex mengamalkan dasar ketat dengan tidak membenarkan penggunaan pembayaran mudah cara dalam mana-mana skop operasinya dalam organisasi. Bagi tujuan dasar ini, pembayaran mudah cara ditafsirkan sebagai bentuk pembayaran atau peruntukan lain yang dibuat sendiri kepada seseorang yang berkuasa dalam proses atau keputusan untuk memastikan atau mempercepatkan prestasi tugas atau fungsi rutin atau pentadbiran.

Jika mana-mana pekerja Scientex berdepan dengan apa-apa permintaan untuk menawar, menjanji, memberi, menyetujui atau menerima pembayaran mudah cara, mereka hendaklah membuat keputusan dan tindakan komited untuk menolak permintaan itu atau menolak daripada terlibat dalam apa-apa bentuk pelibatan selepas itu. Tambahan lagi, pekerja itu hendaklah melaporkan situasi ini kepada Ketua Jabatan dan Jabatan Sumber Manusia pada kadar segera. Jika pekerja itu tidak pasti tentang sifat permintaan pembayaran itu, Ketua Jabatan dan Jabatan Sumber Manusia hendaklah dimaklumkan serta-merta bagi mendapatkan penjelasan dan bimbingan untuk tindakan selanjutnya.

Dalam beberapa keadaan, sekiranya seseorang pekerja Scientex dipaksa untuk melakukan atau membuat pembayaran seperti itu memandangkan keselamatan atau kebebasan mereka berada dalam ancaman serius, dan pekerja itu tidak ada pilihan lain kecuali membayar bagi melindungi nyawa, anggota badan, atau kebebasan mereka, maka, pekerja yang terkesan hendaklah melaporkan serta-merta pembayaran itu kepada Ketua Jabatan dan Jabatan Sumber Manusia.

6.0 KONFLIK KEPENTINGAN

Sekutu Scientex dikehendaki mengelakkan situasi-situasi di mana kepentingan peribadi atau profesional mereka konflik, atau kelihatan konflik, dengan kepentingan Scientex. Konflik kepentingan timbul apabila kepentingan tersebut menyekat, menjejaskan, atau mengurangkan keupayaan seseorang individu untuk menjalankan, melaksanakan, atau menyempurnakan tugasnya dengan baik, atau boleh mewujudkan tanggapan kelakuan yang tidak wajar.

Sekutu Scientex mestilah mengisytiharkan kepada Scientex sebarang konflik kepentingan yang sebenar, berpotensi, atau yang ditanggap timbul.

7.0 USAHA WAJAR DAN BERURUSAN DENGAN PIHAK KETIGA

- a) Semua pekerja dikehendaki mengamalkan usaha wajar yang munasabah pada setiap masa apabila berurusan dengan Pihak Ketiga, sekiranya boleh dilakukan dan relevan, dengan tumpuan kepada integriti urusan itu sebelum berurus niaga dengan mereka.
- b) Scientex tidak akan berurus niaga dengan mana-mana Pihak Ketiga yang semunasabahnya disyaki terlibat dengan rasuah dan amalan perniagaan yang tidak sesuai dan tidak kena.
- c) Scientex berhak menamatkan perkhidmatan mereka sekiranya Pihak Ketiga ini memberi rasuah atau bertindak dalam cara yang tidak konsisten dengan Dasar ini.

8.0 TANGGUNGJAWAB

- a) Lembaga Pengarah Scientex (“Lembaga Pengarah”) mempunyai tanggungjawab keseluruhan untuk memastikan Dasar ini mematuhi kewajipan undang-undang dan etika, dan semua pihak yang tertakluk kepada Dasar ini turut mematuhi.
- b) Lembaga Pengarah hendaklah memastikan penjajaran Dasar ini dengan strategi Scientex dan mengawasi keseluruhan sistem pengurusan pencegahan rasuah dan penyelewengan.
- c) Pengurusan Scientex hendaklah memastikan setiap unit perniagaan yang beroperasi dan semua Sekutu Scientex dimaklumkan tentang Dasar ini.
- d) Pengurusan Scientex hendaklah mengawasi pelaksanaan Dasar ini di seluruh unit perniagaan dan bidang kuasa yang melibatkan operasi Scientex. Ketua unit perniagaan bertanggungjawab memastikan pelaksanaan Dasar ini di dalam unit perniagaan masing-masing.
- e) Ketua Jabatan dan/atau Jabatan Sumber Manusia hendaklah bertindak, mengurus dan menangani apa-apa pertanyaan atau permintaan untuk perundingan berhubung Dasar ini atau apa-apa keadaan lain berkaitan dengan kandungan Dasar ini.

9.0 PEMBERI MAKLUMAT

Scientex percaya bahawa tindakan mencegah, mengesan, melapor amalan rasuah dan bentuk penyelewengan lain menjadi tanggungjawab semua Sekutu Scientex dan masyarakat umum. Scientex menggalakkan Sekutu Scientex untuk mengutarakan kebimbangan tentang apa-apa isu atau mengesyaki apa-apa pelakuan tidak beretika dan kesalahan korporat, termasuk amalan rasuah dan penyelewengan, dengan melaporkannya melalui saluran yang disediakan dalam Dasar Pemberi Maklumat yang tersedia dalam laman sesawang Scientex. Scientex setakat mana yang boleh akan menganggap apa-apa laporan pelakuan tidak beretika dan menyeleweng dengan kerahsiaan paling ketat dan tidak akan menghukum atau mengambil tindakan balas terhadap mana-mana orang kerana melaporkan sesuatu hal dengan suci hati, dan menurut dasar dan prosedur Scientex.

Sekiranya hal memberi maklumat boleh diselesaikan secara dalaman tanpa membawanya kepada pengetahuan pihak pengurusan lebih tinggi, maka, penyelia atau Ketua Jabatan haruslah menangani hal itu sebaik sahaja hal itu dilaporkan.

Bagi hal memberi maklumat yang tidak sesuai dan mustahil untuk disampaikan melalui penyelia

dan/atau Ketua Jabatan, maka, pemberi maklumat hendaklah melaporkan hal itu terus kepada Pegawai yang Ditetapkan (seperti orang yang diberi kuasa untuk menerima laporan berhubung hal memberi maklumat):

Nama: Pengerusi Jawatankuasa Audit
E-mel: acchairman@scientex.com.my

dan/ atau

Nama: Ketua Jabatan Audit Dalaman
E-mel: internalaudit@scientex.com.my

dan/ atau


Nama: Jabatan Sumber Manusia
E-mel: hrcompliance@scientex.com.my

10.0 LATIHAN DAN KOMUNIKASI

- a) Jabatan Sumber Manusia hendaklah memastikan bahawa pekerja akan diberi Dasar ini dan program latihan yang berkaitan untuk mendidik mereka tentang keperluan dan kewajipan di bawah undang-undang pencegahan rasuah dan penyelewengan, dan kandungan Dasar ini. Bagi surat akuan yang diperoleh daripada pekerja, satu salinan dokumen tersebut hendaklah disimpan oleh Jabatan Sumber Manusia sepanjang tempoh pekerjaan pekerja itu.
- b) Semua unit perniagaan Scientex hendaklah menyampaikan Dasar ini kepada semua pembekal, kontraktor, dan rakan perniagaan dan mana-mana pihak ketiga semasa permulaan hubungan perniagaan dan dengan sewajarnya selepas itu.

11.0 PENILAIAN RISIKO

- a) Jabatan Pengurusan Risiko hendaklah menjalankan penilaian risiko untuk mengenal pasti risiko rasuah dan penyelewengan yang berpotensi untuk memberi kesan kepada Scientex secara berkala dan/atau apabila terdapat perubahan dalam undang-undang atau keadaan perniagaan itu.
- b) Keputusan penilaian risiko, semakan semula langkah kawalan, dan prestasi hendaklah dilaporkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan diambil tindakan sewajarnya. Semua keputusan dan tindakan yang dirancang atau dilaksanakan juga akan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah untuk pertimbangan lebih lanjut.
- c) Proses penilaian risiko rasuah dan penyelewengan adalah seperti di bawah: -



12.0 PEMATUHAN

- a) Pematuhan kepada Dasar ini adalah mandatori untuk semua Sekutu Scientex. Dasar ini tertakluk kepada semakan semula secara berkala untuk memastikan kesesuaian dan keberkesanannya berhubung operasi Scientex dan, dalam bidang kuasa operasinya.
- b) Jika mana-mana Sekutu Scientex didapati melanggar Dasar ini, pihak yang bersalah hendaklah dikenakan tindakan disiplin yang boleh menyebabkan penyingkiran atas salah laku melampau dan pihak Scientex berhak menamatkan apa-apa hubungan secara kontrak dengan Sekutu Scientex jika berlaku pelanggaran Dasar ini.
- c) Kegagalan untuk menerima dan/atau mematuhi syarat-syarat Dasar ini boleh mengakibatkan kesan yang besar kepada Scientex, kerana kegagalan seperti itu boleh mendedahkan Scientex kepada kesalahan sivil dan jenayah di bawah undang-undang Malaysia. Scientex berhak sekiranya didapati perlu untuk merujuk hal itu kepada pihak berkuasa kawal selia.

13.0 PEMANTAUAN

- a) Scientex komited untuk menjadikan langkah-langkah pencegahan rasuah dan penyelewengan suatu usaha berterusan bagi mempertahankan reputasi dan piawaian tinggi pelakuan dan operasi perniagaannya.
- b) Di mana perlu, semakan semula dan audit secara tetap hendaklah dilakukan untuk memantau, mentaksir dan menambah baik prestasi, kecekapan dan keberkesanan langkah pencegahan rasuah dan penyelewengan semasa Scientex. Semakan semula seperti ini boleh dilakukan secara dalaman oleh Scientex atau dilakukan oleh pihak dari luar. Keputusan mana-mana audit dan semakan semula langkah pengawalan dan prestasi hendaklah dilaporkan kepada Lembaga Pengarah dan diambil tindakan sewajarnya.

14.0 SEMAKAN SEMULA DASAR

Dasar ini boleh diubah suai dan dipinda oleh Lembaga Pengarah dari masa ke semasa apabila dianggap perlu. Pengubahsuaian dan pindaan boleh dilakukan sebagaimana perlu untuk memastikan pematuhan undang-undang dan peraturan dan/atau untuk memudahkan pembangunan organisasi dan perniagaan di Scientex. Dasar yang telah dikemas kini hendaklah dikuatkuasakan sebaik sahaja mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah dan setelah Dasar ini disediakan untuk orang awam.

Dasar Pencegahan Rasuah dan Peyelewengan ini telah diluluskan dan diterima pakai oleh Lembaga Pengarah berkuat kuasa mulai 17 September 2025.